

27/05/2003

Himpunan cuti umum mampu jana ekonomi

Zulkifli Md Ali

MINGGU lalu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul

Aziz mencadangkan agar cuti umum yang tiada kaitan dengan upacara keagamaan tetapi jatuh pada tengah minggu dianjakkan ke hujung minggu.

Ini bermaksud cuti bagi umat Islam yang berkaitan dengan majlis keagamaan seperti solat sunat Aidilfitri dan Aidiladha tidak boleh dianjakkan, manakala himpunan cuti yang bertambah pada hujung minggu menyebabkan rakyat Malaysia berpeluang merancang pelancongan domestik.

Cadangan itu disahkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,

Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, bahawa pihaknya sudah mendapat persetujuan Kabinet pada mesyuarat mingguan minggu lalu dan sedang mengkaji mekanisme pelaksanaannya.

Sebenarnya, cadangan Mohamed Nazri itu ada rasionalnya kerana beliau sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal usahawan, pastinya perlu memikirkan nasib golongan berpendapatan rendah dan sederhana itu.

Ini kerana dengan himpunan cuti pada hujung minggu, rakyat Malaysia akan melancong, manakala pemandu teksi, usahawan Bumiputera, industri kecil dan sederhana, pengusaha chalet serta pengusaha industri hiliran berkaitan pelancongan menikmati imbuhan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kalau dulu, kakitangan kerajaan bekerja enam hari seminggu dengan Jumaat atau Ahad cuti hujung minggu, kemudian ditambah setiap Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan.

Kini, dengan anjakan cuti umum di pertengahan minggu dikumpulkan ke hujung minggu, jumlah rakyat Malaysia yang berbelanja pada tempoh pergerakan secara domestik itu juga bertambah.

Mungkin ada yang terfikir, dari mana hendak dikorek wang tambahan untuk percutian itu?

Dengan mengambil contoh formula RM2 bilion wang terkumpul daripada pengurangan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada

11 kepada sembilan peratus seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Pakej Strategi Baru, Rabu lalu, saya yakin lebih kecairan itu akan memanfaatkan usahawan kecil.

Orang akan berkata, apalah ada pada RM5 atau RM10 sebulan. Itu kata-kata orang yang tidak tahu bersyukur, tetapi jika kita pandai bersyukur, wang lebih RM1 pun kita tahu bagaimana hendak menggunakannya. Paling tidak pun boleh dibuat tabungan.

Mengambil kiraan mudah, jika sebulan kita dapat kumpulkan RM10, kalau setahun sudah terkumpul RM120. Sepasang suami isteri yang masing-masing bergaji RM500 sebulan pastinya dapat mengumpul RM240 dalam tempoh

setahun.

Itu kalau bergaji RM500 sebulan, kalau RM1,000 sebulan pasangan dapat mengumpul RM480 setahun. Apakah dengan RM480 yang dikumpul setahun itu tidak mencukupi untuk melakukan pelancongan jarak dekat.

Walaupun tidak minat melancong, wang terkumpul itu boleh dipergunakan untuk tujuan lain seperti membuat persediaan persekolahan anak. Setidak-tidaknya pengurangan caruman itu dapat mengurangkan beban. Walaupun sedikit, lama-lama ia menjadi bukit.

Jangan tamak, bimbang bukit yang tinggi menjadi gunung menghempap kita semula.

Oleh itu, jika kita tidak mempunyai rancangan tertentu, termasuk melancong apabila anjakan cuti umum dilaksanakan, gunakan sebaik mungkin seperti berehat di rumah untuk bersama keluarga sambil mengeratkan silaturahim sesama sanak saudara, jiran setaman perumahan atau berkunjung orang tua di kampung.

Paling tidak pun, kita dapat memanfaatkan masa terluang bersama keluarga dan melakukan kerja-kerja baik daripada melakukan perkara tidak berfaedah.